

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

## PENDAHULUAN

## 1.1 Latarbelakang Masalah

Nampaknya setakat ini sejarah menerima hakikat kemunculan Terengganu sebagai negeri yang paling awal menerima kemasukan Islam di Tanah Melayu, lebih awal dari Melaka kira-kira seabad lamanya. Ini berasaskan kepada tarikh pada Batu Bersurat yang ditemui di Kuala Berang, Ulu Terengganu pada tahun 1902, iaitu yang bertarikh 702H/1303M.<sup>1</sup> Walau bagaimanapun tarikh yang tercatat di Batu itu tidak semestinya dikira sebagai tarikh Terengganu menerima Islam kerana tarikh itu lebih menunjukkan kepada tarikh diproklamasikan Perundangan Islam di Terengganu oleh Raja Mandalika yang memerintah ketika itu. Sudah tentu sebelum diproklamasikan Undang-undang Islam Terengganu telah melalui peringkat-peringkat pengislamannya. Ini bererti bahawa Terengganu telah menerima Islam lebih awal dari tarikh yang tercatat pada Batu Bersurat itu.

Terengganu sejak itu terus menerus mengalami peningkatan dan perkembangan dari segi keislamannya sehingga mencapai tahap peradaban yang membanggakan sekalipun tidak setaraf dengan peradaban yang dicapai oleh Aceh. Tetapi Terengganu harus berbangga kerana 'terpilih'

---

<sup>1</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, The Correct Date of The Terengganu Inscription, Kuala Lumpur, Muzium Negara, 1970, hal.1.

sebagai pusat awal perkembangan Islam di Tanah Melayu . Tentunya pemilihan Terengganu oleh mubaligh-mubaligh Islam ada hubungan dengan pemerintah di Terengganu ketika itu. Pemerintah yang dipilih Allah sebagai pembuka jalan kepada kemasukan Islam di Terengganu dan di Tanah Melayu amnya. Samalah seperti pengislaman Parameswara yang kemudiannya diikuti beramai-ramai oleh rakyatnya di atas kefahaman dan keyakinan mereka kepada Islam dan bukannya berdasarkan kepada anutan feudalisme di kalangan masyarakat Melayu seperti yang didakwa oleh orientalis. Jika pengislaman mereka tidak berdasarkan kepada kefahaman dan keyakinan, tetapi kerana ikut-ikutan, sudah pasti raja-raja dahulu berasa tidak perlu memeluk Islam kerana kedudukan mereka sebagai raja sudah cukup tinggi dalam hirarki masyarakat. Malah mereka boleh mendakwa sebagai wakil dewa-dewa di kayangan untuk berkuasa ke atas manusia di bumi. Tetapi yang jelas mereka memeluk Islam dan proses itu berterusan.<sup>2</sup>

Seri Paduka Tuan Raja Mandalika dikatakan amat mencintai Islam dan berusaha mengembangkan agama barunya di samping mendapat pembantu terdiri dari mubaligh-mubaligh Arab . Baginda akan mengenakan tindakan kepada mereka yang melanggar Undang-undang Syara' dan kuat berpegang dengan aqidah Islam. . . . .

Islam terus berkembang di Terengganu dibawah payung pemerintah-

---

<sup>2</sup> Agoes S Kholil, "Fungsi Institut Istana Dalam Pengembangan Islam", Berita Harian, 8hb. December, 1989.

pemerintah yang menyakini Islam adalah agama yang terbaik dan melengkapi segala aspek kehidupan manusia. Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III contohnya, di zaman baginda Terengganu terkenal sebagai "Terengganu Darul-Salam" dan "Terengganu Darul-Iman". Di zaman baginda merupakan tahap kemuncak di dalam perkembangan keilmuan keislaman (abad ke-XIX). Di abad ke-19 ini Terengganu diperintah oleh dua orang sultan yang sangat memberi perhatian pada perkembangan ilmu pengetahuan keislama. Sultan Baginda Omar sendiri terkenal dengan kecintaan pada ilmu pengetahuan, tetapi puncak bagi perkembangan ilmu pengetahuan di Terengganu ialah pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919). Beliau tidak saja menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan, tetapi terlibat sama mendalami ilmu pengetahuan sehingga beliau terkenal sebagai raja yang alim, gemar membaca, mahir dalam bahasa Arab dan beliau merupakan raja Melayu pertama pergi menunaikan fardu haji. Beliau juga melawat Negeri Mesir. Beliau dikatakan tertarik dengan idea islah (reformasi) yang dibawa oleh Muhammad Abduh Wahab (Wahabi) di Mekah yang menggerakkan beliau membuat perubahan ke arah meningkatkan kemajuan Negeri Terengganu.<sup>3</sup>

Kemajuan dan kemakmuran ditambah lagi dengan wujudnya minat pemerintah terhadap perkembangan ilmu pengetahuan telah membuka jalan kepada perkembangan keilmuan di Terengganu. Kemajuan ini pula memberi

---

<sup>3</sup>Lihat J.de V.Allen, "Sultan Zainal Abidin III", Malay in History, Vol.XII, Number I, 1968, hal.4.

peluang kemasukan ulama-ulama dari luar ke Terengganu memperkembangkan ilmu pengetahuan hingga Terengganu di datangi pelajar-pelajar dari jauh seperti Pahang, Kelantan, Pattani, Sumatera dan lain-lain tem- lagi di samping pelajar-pelajar tempatan. Bermula dari sinilah keliha- tan timbulnya institusi pengajian berbentuk pondok di merata-rata tem- pat di Terengganu seperti di Pulau Manis, Losong, Chabang Tiga, Sungai Rengas, Bukit Bayas dan Pulau Duyung.

Ulama-ulama dari luar yang datang dan terus mengembangkan gene- rasi ulama di Terengganu adalah datang dari tiga tempat yang berbeza, iaitu dari Hadhramaut yang dipelopori oleh Sayyid Zainal Abidin dan bertalian hingga ke anak-cucunya seperti Sayyid Muhammad bin Mustafa al-Idrus (Tuk Ku Tuan Besar) dan yang paling menonjol seperti Sayyid Abdul Rahman (Tuk Ku Paloh) dan keturunan Al-Idrus yang sekarang me- mengang jawatan Mufti di Terengganu ialah Engku Alwi bin Ambak al-Idrus.

Ulama yang berasal dari Baghdad pula dipelopori oleh Syarif Mohammad bin Abdullah. Ulama yang berketurunan dari Baghdad yang ter- kenal ialah Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis) yang pertama membuat pengajian secara pondok dan seorang yang berkeahlian dalam ilmu keis- laman.

Kumpulan ketiga Ulama yang datang ke Terengganu ialah dari Pat- tani yang dipelopori oleh Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas, keluarga Tuk Syeikh Qadi ( ayahanda Tuk Syeikh Duyung) dan Syeikh Daud al-Pattani

yang telah berpindah ke Terengganu setelah menghadapi tekanan dari Siam. Seorang dari cucunya Syeikh Nik Mat Ismail bin Daud al-Fattani pengarang buku jawi yang terkenal "Matla' al-Badrayn"<sup>4</sup> dilahirkan di Pulau Duyung. Di Pulau Duyung ini juga tinggalnya keluarga Haji Wan Abdullah bin Mohd. Amin.

Haji Wan Abdullah atau lebih dikenali sebagai "Tuk Syeikh Duyung" adalah subjek atau sample kajian bagi penulis. Dari keturunan keluarga Pattani ini dilihat ramai yang terlibat dalam bidang penyebaran ilmu pengetahuan dan pentadbiran Negeri Terengganu. Bermula dari ayahandanya di samping menjadi guru agama beliau juga adalah pembesar Negeri. Kemudian diwarisi kepada anak-anaknya seperti Tuk Syeikh Duyung dan cucunya Haji Wan Mohammad bin Abdullah yang masing-masing pernah menjadi Qadi dan Mufti serta diberi gelaran sebagai "Syeikhul-Ulama" yang mempunyai pengaruh besar dalam pentadbiran dan pemerintahan. Jawatan Qadi dan Mufti<sup>5</sup> seterusnya diwarisi oleh keturunan beliau seperti Dato' Perba Diraja Haji Wan Abd. Rahman bin Long ; Beliau juga pernah menjadi Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn, Singapura, Matbaah Dar al-Tibaah al-Misriyyah al-Kubra, tanpa tarikh. Lihat juga Yusoff Zaky Yacob, Sastera Islam di Malaysia, Utusan Zaman, 18 Ogos, 1974, hal.9.

<sup>5</sup> Lihat lampiran VII

<sup>6</sup> Lihat lampiran VIII

## 1.2 Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah

Dalam kajian ini penulis telah memilih seorang tokoh dari kalangan ulama berketurunan Pattani sebagai subjek kajian. Beliau ialah Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin dengan diberi judul "HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN MOHD. AMIN ( TUK SYEIKH DUYUNG ): TOKOH AGAMA DAN BIROKRASI NEGERI TERENGGANU."

Perkataan "Tokoh" adalah bererti kiasan orang yang kenamaan (dalam apa-apa bidang seperti bidang politik, kebudayaan, agama dan lain-lain), orang yang terkemuka, penganjur.<sup>7</sup> Sementara perkataan "Agama" pula bererti kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa.<sup>8</sup> Apa yang dimaksudkan oleh penulis ialah agama Islam. Jadi maksud yang hendak disampaikan oleh penulis berhubung dengan dua perkataan iaitu " Tokoh " dan " Agama " ialah dengan maksud Ulama iaitu orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam.<sup>9</sup>

Perkataan "Birokrasi" pula bererti sistem pemerintahan atau pentadbiran yang dikendalikan atau dijalankan oleh pegawai-pegawai kerajaan (yang tidak dipilih oleh rakyat), cara pemerintahan atau pentadbiran dengan pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai kuasa yang besar.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup> Kamus Dewan Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hal.1379.

<sup>8</sup> Ibid., hal.11.

<sup>9</sup> Ibid., hal.1427.

<sup>10</sup> Ibid., hal.151.

Apa yang dimaksudkan oleh penulis ialah "birokrat" iaitu pegawai yang bertindak secara birokrasi atau anggota birokrasi.<sup>11</sup>

Sementara perkataan "Negeri Terengganu" ialah negeri di mana lahirnya tokoh agama itu dan negeri itu jugalah beliau menjadi seorang anggota birokrasi dan berkhidmat kepadanya (negeri Terengganu).

Pengertian keseluruhan tajuk ini ialah membicarakan tentang seorang ulama yang bernama Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin atau lebih dikenali dengan gelaran "Tuk Syeikh Duyung". Pembicaraannya adalah berkaitan dengan peranan beliau dalam bidang keagamaan dan dalam pentadbiran negeri Terengganu. Juga membicarakan sumbangan beliau kepada dua bidang tersebut kepada negeri Terengganu di samping menekankan kedudukan dan peranan sebenar seorang ulama.

Dalam menghasilkan kajian ini penulis telah merumuskan beberapa masalah kajian yang akan dibawa dalam bab penganalisaian data seperti dalam bab IV.

### 1.3 Tujuan Penyelidikan/Kajian

Kajian ini dibuat dengan tujuan untuk mengetahui perjalanan hidup seorang tokoh ulama yang tidak kurang pentingnya dalam membantu

---

<sup>11</sup> Ibid., hal. 151.



perkembangan keilmuan Islam di Terengganu di samping tokoh-tokoh ulama dari keturunan Hadhramaut dan Baghdad. Tokoh yang dijadikan subjek kajian ini dilihat sebagai tokoh yang dominan atau berpengaruh. Bagaimana seorang ulama seperti beliau boleh mempunyai pengaruh besar dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri Terengganu, inilah satu perkara yang perlu dilihat oleh ulama-ulama terutama ulama yang berada di abad sekarang, iaitu abad pemodenan atau sekularisasi yang tidak mengizinkan penyertaan golongan ulama dalam pembangunan fizikal kecuali di dalam pembangunan kerohanian sahaja. Beliaubukan sahaja seorang tokoh yang terlibat dalam pembangunan kerohanian tetapi juga dalam pentadbiran.

Di samping itu juga kita dapat lihat kesungguhan beliau dalam pendidikan. Kebolehan nya menterjemah dan menyalin kitab-kitab telah memberi peluang kepada masyarakat umum mendapat sumber ilmu pengetahuan. Kita dapat lihat bagaimana pentingnya penterjemahan dalam menambahkan khazanah ilmu hasil dari 'perpindahan bahasa'.

Beliau tidak dinafikan berpengetahuan luas dalam bidang Perundangan Islam sehingga beliau di lantik menjadi Mufti dan kemudian mendapat gelaran "Syeikhul-Ulama". Beliau menjadi sumber rujukan bagi semua pihak .

Suatu keistimewaan lain yang terdapat pada keluarga beliau ialah keturunannya yang mewarisi kebijaksanaannya serta kealiman dalam bidang ilmu agama hingga ke hari ini.

## 1.4 Metodologi

Penulis telah menggunakan dua metod utama dalam menghasilkan kajian ini. Metod yang digunakan ialah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Kedua-dua metod ini digunakan bagi melengkapi metod pengumpulan data dan metod pentafsiran data.

Dalam metod Pengumpulan Data, penulis telah menggunakan beberapa cara:

- a. Metod Interview - iaitu dengan mengadakan wawancara dengan cara hubungan yang wajar.
- b. Metod Pensejarahan - iaitu dengan cara menggunakan dokumen-dokumen yang berbentuk sejarah bagi mendapatkan kenyataan sejarah yang tepat.
- c. Metod Dokumentasi - iaitu mengumpulkan segala petikan dari buku-buku, majalah-majalah, akhbar dan kertas kerja seminar.
- d. Metod Observasi - iaitu pengamatan, pemerhatian dan melakukan catatan terhadap segala fakta yang ada hubungan dengan subjek yang dikaji.

Ketika penulis membuat penganalisaian data, penulis telah menggunakan tiga metod seperti berikut:

1. Metod Deduktif - iaitu mengemukakan prinsip-prinsip yang bersifat umum dan menghuraikannya ke dalam prinsip-prinsip yang bersifat khusus.
2. Metod Induktif - iaitu membuat kesimpulan yang diasaskan dari kesimpulan yang bersifat khusus kepada membuat kesimpulan secara umum.

3. Metod Komparatif - iaitu membuat perbandingan di antara satu data dengan satu data yang lain untuk menghasilkan satu kesimpulan yang seimbang dan jelas.

### 1.5 Susunan Penulisan

Penulis telah membahagikan kepada lima bab ketika menyusun penulisan ini. Pemecahan bab adalah seperti berikut:-

Bab Pertama; Latarbelakang Masalah, Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah, Tujuan Penyelidikan, Metodologi Penyelidikan dan yang akhir Susunan atau Sistematika Penulisan.

Bab Kedua; Adalah berupa landasan teori yang dimuatkan dengan kedudukan Terengganu dari sudut geografi, Kedatangan Islam di Terengganu dan Perkembangannya, dan juga tentang kelahiran Tokoh-tokoh Ulama di Terengganu. Setiap bahagian disertakan sub-bab atau pemecahannya.

Bab Ketiga; Bab ini menerangkan cara bagaimana penulis mengadakan penyelidikan. Metod yang digunakan ialah melalui penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Penulis juga menerangkan jenis-jenis metod yang digunakan untuk pengumpulan data dan metod pentafsiran data.

Bab Keempat; Iaitu bab pentafsiran atau penganalisaan data yang memaparkan tentang riwayat hidup Tuk Syeikh Duyung, Salasilah

keturunan beliau dan sumbangan serta peranan beliau dalam perkembangan Islam di Terengganu.

Bab Kelima : Iaitu bab yang terakhir. Penulis memuatkan kesimpulan terhadap penyelidikan yang dilakukan. Penulis juga memberikan beberapa saranan untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak tertentu dan kepada ulama khususnya. Saranan yang lebih berupa penelitian penulis terhadap apa yang dapat dikumpulkan dari penyelidikan dengan apa yang realitinya berlaku dalam masyarakat sekarang. Semuanya dibuat berdasarkan kepada hasil penyelidikan ini.